

Kokurikulum



Antara barisan pemain pasukan bola sepak SK Serdang yang semakin menunjukkan taring dalam beberapa pertandingan di Selangor.

SK Serdang semakin menyerlah



Ustaz Mohammad Ali

➔ Mewakili zon Petaling Perdana dalam Piala Raja Muda 2015

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

▬ Serdang

Pasukan bola sepak Sekolah Kebangsaan (SK) Serdang semakin menunjukkan taring dalam beberapa pertandingan di negeri Selangor.

Jurulatihnya, Ustaz Mohammad Ali, berkata pasukan sekolah itu mewakili zon Petaling Perdana dalam Piala Raja Muda pada tahun 2015.

Beliau berkata, beberapa pemain turut terpilih mewakili kelab luar seperti Tunas Legenda dan Kelab Bola Sepak Remaja Kajang.

Katanya, pemain sekolah itu menjalani latihan di

padang yang berkualiti tinggi dan memberi kelebihan kepada mereka dalam perlawanan sebenar.

Ustaz Mohammad berkata, mereka diberi peluang untuk menjalani latihan di padang milik Universiti Putra Malaysia (UPM) pada setiap pagi hari Sabtu.

Jurulatih luar

“Latihan di padang memberi kelebihan kepada mereka sebagai persediaan setiap kali bertanding mewakili sekolah,” katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, pemain SK Serdang juga bertuah

info

Pencapaian pasukan

- Johan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah (MSSD) Zon 7A tahun 2015
- Tempat ketiga Piala Ahli Dewan Undangan Negeri Bangi (bawah 10 tahun) 2014

kerana mendapat bantuan daripada jurulatih luar seperti kakitangan UPM yang sedia memberi tunjuk ajar kepada pemain sekolah.

Katanya, ibu bapa pula tidak pernah gagal membawa serta menunggu anak-anak mereka menjalani latihan.

Walaupun jadual latihan padat, Ustaz Mohammad berkata, semua pemain sentiasa memberi komitmen tinggi.

“Sokongan daripada pihak pentadbiran, guru-guru dan ibu bapa memberi semangat kepada pasukan untuk terus cemerlang pada masa depan,” katanya.